

CADANGAN JAWAPAN:

BAHAGIAN A

SOALAN 1

- a) **Wajarkah remaja menganggap adat resam dan tradisi kaum sebagai sesuatu yang 'ketinggalan zaman'? Berikan alasan anda:**

Pada pendapat saya, **tidak wajar** bagi remaja menganggap adat resam sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana adat resam merupakan **identiti dan kebanggaan** sesuatu kaum. *(Boleh juga guna alasan: Adat resam ialah warisan berharga nenek moyang kita).*

- b) **Jelaskan perasaan anda apabila melihat warisan adat resam bangsa semakin dilupakan oleh generasi muda:**

Saya berasa sangat **sedih dan kecewa** apabila melihat warisan adat resam bangsa semakin dilupakan. Perasaan ini timbul kerana warisan budaya yang dijaga oleh nenek moyang kita selama ini **akan hilang** begitu sahaja. Selain itu, saya juga bimbang generasi akan datang **tidak lagi kenal** akan asal usul keturunan mereka sendiri.

- c) **Sebagai seorang remaja yang menghargai warisan bangsa, terangkan cara anda mengekalkan adat resam dan tradisi kaum anda supaya tidak pupus ditelan zaman:**

Terdapat beberapa cara saya boleh mengekalkan adat resam kaum. Pertama, saya akan **memakai pakaian tradisional** dengan rasa bangga terutamanya pada musim perayaan. Selain itu, saya akan **belajar cara-cara memasak makanan tradisional** bangsa saya daripada ibu bapa di rumah. Akhir sekali, saya akan menggunakan media sosial seperti TikTok untuk **mempromosikan keunikan budaya** kaum saya kepada rakan-rakan yang lain.

- d) **Dua nilai universal yang patut diamalkan oleh remaja masa kini terhadap adat resam masyarakat majmuk:**

Dua nilai universal yang patut diamalkan oleh remaja masa kini ialah **nilai hormat** dan **nilai rasional**. *(Boleh juga guna: nilai harga diri / nilai bertanggungjawab)*

SOALAN 2

- a) **Berdasarkan petikan, nyatakan dua kesan buruk sikap ketidakpatuhan masa tersebut terhadap Farid:**

Dua kesan buruk terhadap Farid ialah prestasi pelajarannya akan **semakin merosot**. Selain itu, dia juga akan **dikenakan tindakan disiplin** oleh pihak sekolah kerana sering datang lewat.

- b) **Wajarkah sikap yang ditunjukkan oleh Farid sebagai seorang murid? Berikan alasan anda:**

Pada pendapat saya, sikap yang ditunjukkan oleh Farid adalah **tidak wajar**. Hal ini dikatakan demikian kerana masa itu emas dan perbuatan membuang masa hanya akan **menyusahkan dirinya sendiri** pada masa hadapan.

- c) **Jelaskan perasaan anda apabila melihat rakan anda mensia-siakan masa mudanya dengan perkara yang tidak berfaedah:**

Saya berasa sangat **sedih dan kecewa** melihat sikap Farid. Perasaan ini timbul kerana dia **mensia-siakan peluang remajanya** untuk menuntut ilmu. Saya juga bimbang dia akan keciciran dalam pelajaran dan **sukar mendapat pekerjaan** kelak.

- d) **Sebagai rakan yang prihatin, terangkan cara-cara yang boleh anda lakukan untuk membantu Farid menguruskan masanya dengan lebih baik:**

Cara saya membantu Farid ialah saya akan **menasihatinya secara peribadi** supaya mengurangkan masa bermain permainan video pada waktu malam. Selain itu, saya akan membantu Farid **membuat satu jadual waktu harian** yang teratur. Akhir sekali, saya akan **mengajaknya mengulang kaji pelajaran** bersama-sama di perpustakaan agar masanya terisi dengan aktiviti berfaedah.

SOALAN 3

(a) Kesan kurang penglibatan (Pilih 2 - 2 Markah):

- Semangat kerjasama dalam diri remaja akan semakin pudar. [1M]
- Remaja menjadi bersikap individualistik (mementingkan diri sendiri). [1M]
- Nilai perikemanusiaan tidak dapat dipupuk dalam diri remaja. [1M]

(b) Sebab remaja kurang berminat (Pilih 2 - 2 Markah):

- Mereka lebih suka menghabiskan masa dengan gajet atau media sosial. [1M]
- Mereka menganggap aktiviti tersebut membosankan dan membuang masa. [1M]
- Kurang pendedahan dan galakan daripada ibu bapa atau pihak sekolah. [1M]

(c) Perasaan dan alasan (1 Emosi + 2 Alasan - 3 Markah):

- **Emosi:** Saya berasa sangat sedih / kecewa. [1M]
- **Alasan 1:** Perasaan ini timbul kerana mereka tidak mempunyai sikap perikemanusiaan terhadap orang lain. [1M]
- **Alasan 2:** Saya juga bimbang mereka akan membesar menjadi insan yang sombong dan tidak peduli tentang masyarakat. [1M]

(d) Langkah pihak sekolah (Pilih 3 - 3 Markah):

- Pihak sekolah perlu memberikan markah kokurikulum yang lebih tinggi kepada murid yang aktif dalam kerja amal. [1M]
- Pihak sekolah boleh menganjurkan program khidmat masyarakat yang lebih menarik dan menyeronokkan. [1M]
- Pihak sekolah perlu memberikan sijil penghargaan atau hadiah kepada murid yang menyertai aktiviti amal. [1M]
- Guru boleh membawa murid menyertai lawatan sambil belajar ke rumah orang tua atau anak yatim untuk membuka mata mereka. [1M]

SOALAN 4

(a) Dua aktiviti jenayah (2 Markah):

- Pencerobohan oleh pendatang asing tanpa izin (PATI). [1M]
- Aktiviti penyeludupan barangan terlarang. [1M]
- Ancaman daripada kumpulan pengganas. [1M] (*Pilih mana-mana dua*)

(b) Sebab aktiviti penyeludupan sukar dibanteras (Pilih mana-mana dua):

- Kerana kawasan sempadan negara yang terlalu luas untuk dipantau sepenuhnya. [1M]
- Disebabkan kawasan geografi yang mencabar seperti hutan tebal dan laut yang luas. [1M]
- Adanya bantuan daripada penduduk tempatan yang bersubahat dengan penyeludup. [1M]

(c) Perasaan dan alasan (1 Emosi + 2 Alasan - 3 Markah):

- **Emosi:** Saya berasa sangat marah / kecewa. [1M]
- **Alasan 1:** Ini kerana tindakan mereka telah mengkhianati amanah dan sanggup menggadaikan keselamatan negara demi duit. [1M]
- **Alasan 2:** Perbuatan mereka sangat tidak bertanggungjawab kerana memudahkan penjenayah masuk ke dalam negara kita. [1M]

(d) Tindakan anda (Pilih 3 - 3 Markah):

- Saya akan segera melaporkan kepada pihak polis jika melihat orang asing yang mencurigakan di kawasan tempat tinggal saya. [1M]
- Saya akan sentiasa menyokong usaha kerajaan dengan tidak menyebarkan maklumat palsu tentang keselamatan negara di media sosial. [1M]
- Saya akan menyertai program kesedaran keselamatan negara atau ceramah patriotisme untuk menambah ilmu tentang ancaman semasa. [1M]
- Saya akan menasihati rakan-rakan agar tidak membeli barangan seludup kerana itu menyokong aktiviti haram tersebut. [1M]

SOALAN 5

(a) Contoh bantuan kepada gelandangan:

- Menyumbang makanan dan minuman yang bersih. [1M]
- Memberi pakaian terpakai yang masih elok. [1M]

(b) Cabaran golongan OKU:

- Mempunyai pergerakan yang terhad atau sukar bergerak. [1M]
- Sukar untuk mendapat pekerjaan kerana dipandang rendah oleh majikan. [1M]

(c) Kepentingan sikap prihatin:

- Dapat meringankan beban hidup yang ditanggung oleh mereka. [1M]
- Dapat mengelakkan golongan ini daripada berasa disisihkan oleh masyarakat. [1M]

(d) Huraian Nilai Baik Hati (4 Markah):

- **Fakta:** Nilai Baik Hati bermaksud sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan orang lain dengan memberi bantuan secara ikhlas. [1M]
- **Huraian:** Masyarakat yang mengamalkan nilai ini akan sentiasa menghulurkan bantuan sokongan moral seperti melayan golongan gelandangan dan OKU dengan penuh sopan santun. [1M]
- **Huraian:** Selain itu, kita akan lebih prihatin dengan menyediakan keperluan asas seperti makanan dan tempat perlindungan kepada gelandangan tanpa mengharapkan sebarang balasan. [1M]
- **Kesimpulan/Kesan:** Sikap ini sangat penting supaya golongan gelandangan dan OKU berasa dihargai, seterusnya membantu meningkatkan kualiti hidup mereka agar lebih terbelas. [1M]

BAHAGIAN B

SOALAN 6

a) Kepentingan amalan memberi bantuan (Pilih 5 isi):

- Membantu mangsa untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, minuman, dan pakaian dengan segera. [1M]
- Dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh mangsa akibat kehilangan harta benda. [1M]
- Membantu menenangkan emosi dan memberi sokongan moral kepada mangsa agar mereka tidak terlalu berasa sedih. [1M]
- Dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama antara masyarakat tanpa mengira kaum. [1M]
- Menunjukkan sifat perikemanusiaan dan keprihatinan masyarakat terhadap kesusahan orang lain. [1M]

Contoh jawapan:

Amalan memberi bantuan kepada mangsa bencana alam sangat penting untuk **membantu mangsa mendapatkan keperluan asas** seperti makanan, minuman, dan pakaian dengan segera. Selain itu, pemberian bantuan ini **dapat mengurangkan beban kewangan** yang ditanggung oleh mangsa akibat kehilangan rumah dan harta benda. Seterusnya, bantuan yang dihulurkan juga dapat **membantu menenangkan emosi** dan memberikan sokongan moral kepada mangsa agar mereka tidak berasa terlalu sedih atau putus asa. Di samping itu, amalan ini juga **dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama** antara masyarakat tanpa mengira kaum. Akhir sekali, ia dapat **menunjukkan sifat perikemanusiaan** dan keprihatinan masyarakat terhadap kesusahan orang lain.

(b) Cara mengajak rakan menyertai misi bantuan (1 Nilai + 4 Cara - 5 Markah):

- **Nilai:** Nilai Bertanggungjawab / Nilai Kasih Sayang / Nilai Kerjasama. [1M]
- Saya akan berkongsi maklumat tentang misi bantuan tersebut di media sosial untuk menarik minat rakan-rakan. [1M]
- Saya akan mengajak rakan-rakan untuk menderma barang keperluan harian seperti makanan kering atau pakaian terpakai. [1M]
- Saya akan menerangkan kepada rakan tentang kesusahan yang dihadapi mangsa supaya mereka berasa simpati. [1M]
- Saya akan mendaftar sebagai sukarelawan bersama-sama dengan rakan agar kita boleh bergerak dalam kumpulan yang lebih besar. [1M]

Contoh jawapan :

Sebagai seorang remaja yang mengamalkan **Nilai Bertanggungjawab**, saya boleh mengajak rakan-rakan untuk menyertai misi bantuan kemanusiaan dengan beberapa cara. Pertama, saya akan **berkongsi maklumat tentang misi bantuan** tersebut di media sosial seperti Instagram atau TikTok untuk menarik minat rakan-rakan. Selain itu, saya akan **mengajak rakan-rakan untuk menderma** barang keperluan harian seperti makanan kering atau pakaian terpakai bagi meringankan beban mangsa. Seterusnya, saya akan **menerangkan kepada rakan tentang kesusahan** yang dihadapi oleh mangsa supaya mereka berasa simpati dan ingin membantu. Akhir sekali, saya akan **mendaftar sebagai sukarelawan** bersama-sama dengan rakan supaya kami dapat bergerak dalam kumpulan yang lebih besar dan berkesan.

SOALAN 7

Skema Jawapan (a) (5 Markah)

- **Pendirian [1m]:** Tidak wajar.
- **Nilai Universal [1m]:** Nilai Kesederhanaan / Nilai Bertanggungjawab (Pilih satu).
- **Fakta [1m]:** Puan Maria berbelanja melebihi kemampuan kewangan diri sendiri.
- **Huraian [1m]:** Beliau terlalu mementingkan imej mewah di media sosial berbanding keperluan hidup sebenar.
- **Kesan [1m]:** Akibatnya, beliau menanggung hutang yang banyak dan mengalami tekanan perasaan apabila dikejar oleh pihak bank.

Contoh jawapan :

(a) Wajarkah tindakan Puan Maria? Berikan hujah anda berdasarkan nilai universal:

Pada pendapat saya, tindakan Puan Maria adalah **tidak wajar**. Beliau sepatutnya mengamalkan **Nilai Kesederhanaan** dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana Puan Maria telah berbelanja melebihi kemampuan kewangan diri sendiri semata-mata untuk membeli barangan mewah. Beliau terlalu mementingkan imej mewah di media sosial berbanding keperluan hidup yang sebenar. Akibatnya, beliau kini terpaksa menanggung hutang yang banyak dan mengalami tekanan perasaan yang teruk apabila sering dikejar oleh pihak bank.

Skema Jawapan (b) (5 Markah)

- **Fakta 1 (Tindakan) [1m]:** Saya akan mencadangkan Puan Maria supaya berhenti menggunakan kad kredit untuk membeli barang yang tidak perlu.
- **Huraian 1 [1m]:** Langkah ini penting untuk mengelakkan tunggakan hutang daripada terus meningkat.
- **Fakta 2 (Tindakan) [1m]:** Saya akan menyarankan beliau berjumpa dengan pihak bank untuk berbincang mengenai penyusunan semula jadual pembayaran hutang.
- **Huraian 2 [1m]:** Ini membolehkan beliau membayar hutang secara ansuran yang lebih kecil mengikut kemampuan kewangan semasa.

- **Fakta 3 (Tindakan 3) [1m]:** Menyarankan beliau untuk membuat bajet bulanan yang lebih ketat dengan mendahulukan keperluan asas sebelum kehendak.

Contoh jawapan :

(b) Sebagai rakan yang prihatin, terangkan tindakan yang boleh anda syorkan kepada Puan Maria untuk menyelesaikan masalah kewangan tersebut:

Sebagai seorang rakan yang prihatin, saya akan mencadangkan beberapa tindakan kepada Puan Maria. Pertama, saya akan menyarankan beliau untuk **berhenti menggunakan kad kredit** bagi membeli barang yang tidak perlu supaya tunggakan hutangnya tidak terus meningkat. Selain itu, saya akan mengesyorkan beliau supaya **berjumpa dengan pihak bank** untuk berbincang mengenai penyusunan semula jadual pembayaran hutang agar bayaran bulanan menjadi lebih kecil mengikut kemampuan kewangannya. Akhir sekali, saya akan menasihati beliau untuk **membuat bajet bulanan** yang lebih ketat dengan mendahulukan keperluan asas seperti sewa rumah dan makanan sebelum memikirkan tentang barangan kehendak atau barang mewah.

BAHAGIAN C

SOALAN 8

CADANGAN JAWAPAN LENGKAP

(a) Kepentingan mengekalkan permainan tradisional kepada keharmonian masyarakat:

Kepentingan mengekalkan permainan tradisional adalah untuk **merapatkan hubungan silaturahim** antara kaum di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan tradisional biasanya dimainkan secara berkumpulan yang memerlukan interaksi sosial. Seterusnya, amalan ini dapat **memupuk semangat perpaduan dan kerjasama** yang erat apabila pemain yang berbeza latar belakang bekerjasama untuk memenangi sesuatu permainan. Di samping itu, pengekalan ini penting bagi **mengekalkan identiti budaya bangsa** agar keunikan masyarakat majmuk di Malaysia sentiasa dihormati. Akhir sekali, usaha ini dapat mengelakkan konflik perkauman kerana masyarakat saling menghargai warisan budaya kaum lain.

(b) Perasaan dan alasan melihat generasi muda melupakan permainan tradisional:

Saya berasa **sangat sedih dan bimbang** melihat situasi ini. Perasaan ini timbul kerana gajet telah menyebabkan remaja **menjadi bersikap individualistik** dan **kurang bergaul dengan orang sekeliling**. Selain itu, saya berasa kecewa kerana warisan nenek moyang yang melambangkan identiti bangsa kita akan **pupus ditelan zaman** jika tidak dipertahankan oleh generasi muda. Akhir sekali, keadaan ini amat merisaukan kerana kekurangan interaksi fizikal silang budaya boleh menyebabkan **semangat perpaduan kaum dalam kalangan generasi baru menjadi semakin longgar**.

(c) Tindakan individu (anda) untuk menarik minat rakan sebaya:

Antara tindakan yang boleh saya lakukan ialah saya akan **mengajak rakan-rakan berbilang kaum untuk bermain bersama-sama** pada waktu petang seperti bermain galah panjang atau batu seremban. Selain itu, saya akan menggunakan media sosial saya untuk **memuat naik video tutorial cara bermain** permainan tradisional yang menarik bagi membuka mata rakan-rakan. Seterusnya, saya akan **mengajar teknik permainan yang betul** kepada rakan yang tidak tahu supaya mereka berasa seronok untuk mencuba. Akhir sekali, saya boleh menjadikan set permainan tradisional yang comel sebagai hadiah hari jadi untuk rakan-rakan bagi memupuk minat mereka secara halus.

(d) Peranan pihak sekolah dan agensi kerajaan:

Pihak sekolah dengan sokongan agensi kerajaan boleh memainkan peranan dengan **menubuhkan Kelab Permainan Tradisional** sebagai salah satu aktiviti kokurikulum yang wajib di sekolah. Selain itu, pihak sekolah boleh bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara untuk **menganjurkan Karnival Permainan Tradisional** di peringkat sekolah. Langkah ini sangat berkesan bagi memberikan pendedahan dan peluang kepada semua murid untuk merasai pengalaman bermain. Akhir sekali, pihak sekolah juga boleh **menyediakan fasiliti atau gelanggang khas di kawasan sekolah** supaya murid-murid dapat bermain dengan selamat pada waktu rehat atau selepas sesi persekolahan.

SOALAN 9

Soalan (a): Kesan negatif (5 Markah)

- **F1:** Mata wang negara mengalir ke luar negara. [1M]
- **F2:** Ekonomi / pendapatan negara merosot. [1M]
- **F3:** Pengeluar / industri tempatan gulung tikar / bangkrap. [1M]
- **F4:** Menyebabkan peningkatan kadar pengangguran / hilang pekerjaan. [1M]
- **F5:** Imej negara tercemar kerana rakyat tidak menyokong produk sendiri. [1M]

Soalan (b): Perasaan dan Alasan (5 Markah)

- **J1:** Sedih / Kecewa. (Wajib ada untuk markah perasaan) [1M]
- **F1:** Produk tempatan sebenarnya sangat berkualiti tinggi. [1M]
- **F2:** Sikap rakyat menunjukkan mereka luntur semangat patriotik / tidak cinta negara. [1M]
- **F3:** Menyebabkan kerugian besar kepada peniaga IKS tempatan. [1M]
- **F4:** Kita sepatutnya bangga dan bersyukur dengan produk negara sendiri. [1M]

Soalan (c): Peranan rakan & Nilai (5 Markah)

- **N1:** Nilai Patriotisme / Nilai Bertanggungjawab / Nilai Rasional. [1M]
- **F1:** Menjadi suri teladan dengan menggunakan barangan tempatan. [1M]
- **F2:** Mempromosikan produk tempatan di media sosial peribadi. [1M]
- **F3:** Membeli dan memberikan produk tempatan sebagai hadiah. [1M]
- **F4:** Mengajak rakan pergi ke Ekspo/Karnival Barangan Buatan Malaysia. [1M]

Soalan (d): Langkah Pengeluar & Kerajaan (5 Markah)

- **F1:** (Pengeluar) Meningkatkan kualiti bahan / ketahanan produk. [1M]
- **F2:** (Pengeluar) Menambah baik reka bentuk dan pembungkusan agar lebih moden. [1M]
- **F3:** (Pengeluar) Menawarkan harga yang lebih murah dan berpatutan. [1M]
- **F4:** (Kerajaan) Menggiatkan semula Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia. [1M]
- **F5:** (Kerajaan) Menaikkan cukai barangan import supaya rakyat beralih kepada produk lokal. [1M]

CADANGAN JAWAPAN LENGKAP (AYAT PENUH)

(a) Kesan negatif mengagungkan jenama luar terhadap pembangunan negara:

Antara kesan negatif sekiranya masyarakat terus bersikap mengagungkan barangan jenama luar ialah **mata wang negara akan banyak mengalir ke luar negara**. Hal ini akan menyebabkan tahap **ekonomi dan pendapatan negara semakin merosot**. Selain itu, lambakan barangan import akan menyebabkan **pengeluar dan industri tempatan terpaksa gulung tikar** atau bankrap. Kesannya, keadaan ini akan **menyebabkan peningkatan kadar pengangguran** kerana ramai pekerja tempatan hilang pekerjaan. Akhir sekali, **imej negara akan tercemar** kerana rakyatnya sendiri tidak menyokong produk keluaran negara sendiri.

(b) Perasaan dan alasan melihat rakyat meminggirkan produk tempatan:

Saya berasa sangat **sedih dan kecewa** melihat situasi ini. Perasaan ini timbul kerana **produk tempatan sebenarnya sangat berkualiti tinggi** dan setanding dengan jenama luar negara. Selain itu, sikap segelintir rakyat ini menunjukkan bahawa mereka telah **luntur semangat patriotik** dan tidak cinta akan negara. Saya juga berasa sedih kerana perbuatan ini **menyebabkan kerugian besar kepada peniaga IKS** (Industri Kecil dan Sederhana) tempatan. Sepatutnya, **kita mesti berbangga dan bersyukur dengan produk keluaran negara** kita sendiri.

(c) Peranan untuk menggalakkan rakan menyokong barangan buatan Malaysia berserta Nilai Universal:

Bagi menggalakkan rakan-rakan, saya akan mengamalkan **Nilai Patriotisme**. Pertama, saya akan **menjadi suri teladan** kepada mereka dengan sentiasa menggunakan barangan tempatan dalam kehidupan seharian. Selain itu, saya akan **mempromosikan produk tempatan di media sosial** peribadi saya agar lebih ramai rakan yang nampak kelebihanannya. Seterusnya, saya

akan **membeli dan memberikan produk tempatan sebagai hadiah** hari jadi kepada mereka.

Akhir sekali, saya akan **mengajak rakan-rakan pergi ke Ekspo atau Karnival Barangan Buatan Malaysia** pada masa lapang untuk membuka mata mereka tentang kehebatan produk lokal. *(Tip: Anda juga boleh menggunakan Nilai Bertanggungjawab atau Nilai Rasional).*

(d) Langkah pengeluar dan kerajaan untuk meningkatkan keyakinan rakyat:

Terdapat beberapa langkah yang patut diambil oleh pengeluar tempatan dan pihak kerajaan. Bagi pihak pengeluar, mereka perlu **meningkatkan kualiti bahan dan ketahanan produk** supaya tidak mudah rosak. Selain itu, pengeluar juga mesti **menambah baik reka bentuk dan pembungkusan** agar kelihatan lebih moden dan menarik minat pembeli. Pengeluar juga disarankan untuk **menawarkan harga yang lebih murah dan berpatutan**. Bagi pihak kerajaan pula, mereka perlulah **menggiatkan semula Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia** secara meluas. Akhir sekali, kerajaan boleh **menaikkan cukai bagi barangan import** supaya rakyat beralih kepada produk lokal yang lebih berbaloi.